CETIL 500 mg Tablet

Cefuroxime Axetil 500 mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan CETIL
2. Bagaimana CETIL berfungsi
3. Sebelum menggunakan CETIL
4. Cara menggunakan CETIL
5. Semasa menggunakan CETIL
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan CETIL
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan CETIL

Cefuroxime axetil diindikasikan untuk rawatan jangkitan berikut yang disebabkan oleh bakteria sensitif: jangkitan saluran pernafasan bawah seperti bronkitis akut, eksaserbasi akut bronkitis kronik dan radang paru-paru (pneumonia); jangkitan saluran pernafasan atas seperti jangkitan telinga, hidung dan tekak termasuk otitis media, sinusitis, tonsilitis dan faringitis; jangkitan saluran genitourinari yang tidak rumit seperti pielonefritis, sistitis dan uretritis; jangkitan kulit dan tisu lembut yang tidak rumit seperti furunkulosis, pioderma dan impetigo; serta gonorea termasuk uretritis dan serviksitis gonokokus akut yang tidak rumit.

Bagaimana CETIL berfungsi

Sebelum menggunakan CETIL

- *Bila tidak boleh menggunakan*

  Jangan ambil ubat ini jika:
  - anda mempunyai alahan terhadap Cefuroxime atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).

- *Sebelum menggunakannya*

  Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan CETIL.

  Mengandung dan menyusukan anak

  Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

  Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

  Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat-ubatan lain.

Cara menggunakan CETIL

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- *Berapa banyak harus digunakan*

  Dos

  Tempoh rawatan biasa adalah selama 7 hari (Julat 5 hingga 10 hari). Ubat ini perlu diambil selepas makan untuk penyerapan yang optimum.

  Dewasa:
  Bagi kebanyakan jangkitan: 250 mg bd
  Jangkitan saluran kencing: 125 mg bd
  Jangkitan saluran pernafasan bawah ringan hingga sederhana seperti bronkitis: 250 mg bd.
  Jangkitan saluran pernafasan bawah yang lebih teruk atau jika disyaki pneumonia: 500 mg bd.
  Pielonefritis: 250 mg bd.
  Untuk gonorea tidak rumit: satu dos tunggal sebanyak 1 g.

  Kanak-kanak:
  Bagi kebanyakan jangkitan: 125 mg bd, sehingga maksimum 250 mg sehari.
  Kanak-kanak berumur dua tahun ke atas dengan otitis media atau, jika sesuai, dengan jangkitan yang lebih teruk: 250 mg bd, sehingga maksimum 500 mg sehari.

- *Bila perlu digunakan*

  Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa lama perlu digunakan*

  Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- *Jika anda terlupa menggunakan*

  Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- *Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)*

  Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

  Pengambilan ubat ini secara berlebihan boleh menyebabkan kerengsaan serebrum yang membawa kepada sawan. Paras serum boleh dikurangkan melalui hemodialisis dan dialisis peritoneal.

Semasa menggunakan CETIL

- *Perkara yang perlu dilakukan*

  Guna ubat anda mengikut arahan doctor.

  Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan CETIL

  Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

  Gunakan CETIL hanya dengan preskripsi doktor.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

  Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

  Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

  Jangan berikan CETIL kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*
  Memandu dan menggunakan jentera

Kesan-kesan sampingan
Seperti ubat-ubatan lain, CETIL boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah:
Kesan sampingan biasanya adalah ringan dan bersifat sementara. Gangguan gastrousus termasuk cirit-birit, loya, muntah serta sakit kepala telah dilaporkan. Eosinofilia dan peningkatan sementara enzim hati (SGPT, OT dan LII) juga telah dilaporkan. Penyakit kuning serta sindrom Steven-Johnson, eritema multiforme, nekrolisis epidermis toksik, reaksi seakan penyakit serum, anafilaksis dan angioedema telah dilaporkan berlaku tetapi jarang.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan *Adverse* Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].*

Cara penyimpanan dan pelupusan CETIL

- *Penyimpanan*
  Simpan di tempat kering pada suhu tidak melebihi 30°C. Lindungi daripada cahaya.

- *Pelupusan*
  Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*
  Tablet bersalut filem *(film-coated)* berwarna putih hingga putih kekuningan, berbentuk bikonveks dengan garisan belah pada satu sisi dan perkataan "LUPIN" tertera pada sisi yang lain.

- *Bahan-bahan kandungan*
  - Bahan aktif
    - Cefuroxime Axetil

  - Bahan tidak aktif
    - Polyethylene Glycol 4000
    - Propylene Glycol
    - Colloidal Silicon Dioxide
    - Purified Water
    - Talc
    - Hydroxypropyl Methyl Cellulose (Methocel E15)
    - Microcrystalline Cellulose
    - Hydrogenated Vegetable Oil

- *Nombor MAL*

  MAL08061556AZ
  MAL08061558AZ

Pengilang

LUPIN LTD.
198-202, New Industrial Area No. 2,
Mandideep-462 046
Dist. Raisen (M.P.) INDIA

Pemegang Pendaftaran Produk

Biocare Pharmaceutical (M) Sdn. Bhd.
No. 28G, 28-1 & 28-2, Pusat Dagangan PJCC, Jalan P JS 5/28, 46150 Petaling Jaya, Selangor

Tarikh kemas kini RiMUP
14/09/2026

Nombor Siri
NPRA(R2/1)260910/00136